Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
School of Educational Studies

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
Tel : +604 653 3231
: +604 653 3255
Fax : +604 657 2907
e-Mail : dean_edu@usm.my
Website : education.usm.my

Ruj. Kami : USM/PPIP/HEBAHANTDAA/2026
Tarikh : 5 Oktober 2026

HEBAHAN: MAKLUMAN KEPADA PELAJAR ISMP SAINS (FIZIK, KIMIA, BIOLOGI & MATEMATIK)- KEMASUKAN KOHORT 2025/2026

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

PERKARA: KEPERLUAN KURSUS KOKURIKULUM DI BAWAH KOMPONEN KURSUS UNIVERSITI (18 UNIT)

Dimaklumkan bahawa semua pelajar **ISMP Sains (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik)** perlu mengambil perhatian terhadap keperluan **Komponen Kursus Universiti sebanyak 18 unit** dalam struktur pengajian masing-masing (RUJUK BPRP SA 2025/2026).

Secara khusus, pelajar perlu memastikan keperluan berikut dipenuhi:

4.6.2 Komponen Kursus Universiti (18 UNIT)

Kursus universiti yang ditawarkan melalui Mata Pelajaran Umum (MPU) dirangka untuk membentuk pelajar yang holistik dan berdaya saing melalui pengukuhan nilai, kemahiran insaniah, kesedaran sivik dan penglibatan dalam komuniti. Kursus-kursus ini dapat menyokong pembinaan jati diri dan kepimpinan, selaras dengan aspirasi melahirkan graduan seimbang dan bertanggungjawab. Berikut adalah perkara yang perlu diberi perhatian oleh pelajar ISMP Matematik/ Fizik/ Kimia/ Biologi:

(i) Komponen Kursus Mata Pelajaran Umum (U1 hingga U4): **Wajib** diambil sebanyak 14 unit (sila rujuk Bab 3),

(ii) Kursus Badan Uniform (U4): **Wajib** diambil sebanyak 2 unit.

(iii) Mana-mana kursus kokurikulum (Opsyen): **Wajib** diambil sebanyak 2 unit. ATAU mana-mana Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/Kursus-yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain (Opsyen).

(iv) Sekiranya pelajar mengambil Kursus kokurikulum Badan beruniform Berpakej (6 unit), pelajar tidak perlu lagi mengambil mana-mana kursus kokurikulum (Opsyen).

3.0 KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI

3.1 Ringkasan Keperluan Kursus Universiti

Pelajar dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya 18 kredit kursus Universiti/opsyen berikut untuk keperluan Universiti:

KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI			JUMLAH KREDIT	
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Mata Pelajaran Umum (MPU)				
U1	Pelajar Tempatan ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ HFE224 (Penghayatan Etika dan Peradaban) (2 kredit) ▪ LKM400 (Bahasa Melayu IV) (2 kredit) Pelajar Antarabangsa Aliran Sains dan Teknologi ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Melayu I) (2 kredit)		6	
	Pelajar Antarabangsa Aliran Sastera *(Program Pengajian dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar)* ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Melayu I) (Z) ▪ LKM200 (Bahasa Melayu 2) (U) (2 kredit)	Pelajar Antarabangsa Aliran Sastera *(Program Pengajian dengan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar)* ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Melayu I) (U) (2 kredit)		4
U2 (Pelajar tempatan) DAN U3 (Pelajar antarabangsa)	PelajarTempatan ▪ WUS101** (Teras Keusahawanan) (2 kredit) ▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit) Pelajar Antarabangsa ▪ SEA205E (Kajian Malaysia) (4 kredit) ▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit)		6	8
U4	Pelajar Tempatan WAR122 (Kursus Integriti dan Antirasuah) / Kursus Kokurikulum*	Pelajar Antarabangsa Kursus Kokurikulum	2	2
Opsyen	Pelajar perlu/boleh memilih mana-mana yang berikut:		1-8	1-8
	▪ Kursus Kokurikulum ▪ Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/ Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain			
JUMLAH KREDIT			**18-22**	**18-22**